

**i-MODUL KEMECERLANGAN SPM SMKA DAN SABK 2023****SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023 (SET 2)****PRINSIP PERAKAUNAN****3756/1****KERTAS 1****Okt./Nov.****1 $\frac{1}{4}$ jam****Satu jam lima belas minit****JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 17 halaman bercetak

- 1 Seorang akauntan tidak boleh berkompromi dan berat sebelah serta tidak terpengaruh oleh mana-mana pihak yang berkepentingan semasa menjalankan tugasnya.
Apakah ciri yang berkaitan dengan kod etika akauntan di atas?

- A Integriti
- B Objektiviti
- C Kerahsiaan
- D Sifat profesional

- 2 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Eimad.

Perniagaan telah menetapkan pengiraan susut nilai kenderaan 10% setahun atas kos diguna pakai untuk beberapa tempoh perakaunan.

Apakah prinsip perakaunan yang terlibat?

- A Pengiktirafan hasil dan belanja
- B Tempoh perakaunan
- C Prinsip kos
- D Ketekalan

- 3 Berikut merupakan kesan urus niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperoleh daripada Kedai Peralatan Sukan Faeez.

Aset	Liabiliti	Ekuiti pemilik
(840)	(870)	30

Pernyataan manakah yang menunjukkan urus niaga di atas?

- A Menerima bayaran berjumlah RM840 daripada Akaun Belum Terima, diskaun diberi RM30
- B Menjelaskan bayaran berjumlah RM870 dengan cek RM840, diskaun diterima RM30
- C Sebuah mesin taip bernilai RM870 dijual secara kredit pada harga RM840
- D Inventori alat tulis bernilai RM840 dijual secara kredit pada harga RM870

4 Antara berikut, padanan yang manakah betul?

	Akaun berkaitan	Catatan kontra
I	Modal	Ambilan
II	Belian	Pulangan masuk
III	Jualan	Diskaun diterima
IV	Akaun Belum Terima	Peruntukan hutang rugu

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

5 Apakah dokumen yang **tidak** dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli?

- A Invois
- B Nota kredit
- C Penyata Akaun
- D Pesanan Belian

6 Dokumen berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Resit Rasmi	SALINAN
KASTURI TRADING	No. 0020
39, Jalan Serai, 81000 Rawang, Selangor.	Tarikh : 19 Mac 2022
Diterima daripada : <u>Kedai Salmah</u>	
Sebanyak : <u>Tiga Ratus sahaja</u>	
Untuk bayaran : <u>Menjelaskan invois (diskaun tunai RM25)</u>	
RM300	<i>Cempaka</i> (Pengurus)
Tunai / No. Cek: MBB 147089	

Apakah kegunaan dokumen di atas?

- A Menambahkan jumlah dalam invois
- B Mengurangkan jumlah dalam invois
- C Bukti pembelian barang niaga secara tunai
- D Bukti penerimaan cek terhadap urus niaga kredit

- 7 Pilih padanan fungsi Jurnal Khas yang betul.

	Jurnal Khas	Fungsi
A	Jurnal Jualan	Merekod jualan barang niaga secara kredit
B	Jurnal Pulangan Keluar	Merekodkan pulangan barang niaga daripada pembeli
C	Jurnal Pulangan Masuk	Merekodkan pulangan barang niaga kepada pembekal
D	Jurnal Penerimaan Tunai	Merekodkan penerimaan belian barang niaga secara tunai sahaja

- 8 Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Buku Tunai Runcit?

- I Gaji pekerja
- II Alatan pejabat
- III Minuman pelanggan
- IV Derma rumah anak yatim

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

- 9 Kedai Buku Bintang mengambil beberapa buku cerita lipur lara dan diserahkan kepada Tadika Anakku Sayang sebagai promosi jualan.

Apakah catatan bergu yang terlibat bagi urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Ambilan	Belian
B	Promosi	Belian
C	Promosi	Tadika Desa Cahayaku
D	Ambilan	Tadika Desa Cahayaku

- 10 Akaun Kawalan Belum Bayar berikut diambil daripada Buku Perniagaan Aida Enterprise.

Akaun Kawalan Belum Bayar

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2023 Ogos 31	Diskaun diterima Pulangan belian Bank	RM 370 600 5 000	2023 Ogos 1	Baki b/b	RM 7 100

Berapakah baki pada 1 September 2023 jika jumlah Jurnal Belian ialah RM2 100?

- A Debit RM1 130
- B Kredit RM1 130
- C Debit RM3 230
- D Kredit RM3 230

- 11 Urus niaga di bawah diperoleh daripada buku perakaunan Perniagaan Safwa.

Puan Safwa membeli penyaman udara untuk kegunaan anaknya dengan menggunakan tunai di bank.

Apakah akaun yang didebitkan bagi urus niaga di atas?

- A Akaun Bank
- B Akaun Tunai
- C Akaun Ambilan
- D Akaun Lengkap

- 12 Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan baki-baki dalam Imbangan Duga.

- A Semua akaun aset berbaki debit.
- B Semua akaun nyata berbaki kredit.
- C Semua akaun hasil berbaki debit.
- D Semua akaun nominal berbaki kredit.

- 13 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Perabot May Wah pada akhir tempoh perakaunan.

Jenis Barang	Kuantiti (unit)	Harga Kos Seunit RM	Harga Pasaran Seunit RM
Meja	25	250	400
Kerusi	20	40	35

Berapakah nilai inventori akhir yang akan dicatat dalam Penyata Kewangan?

- A RM6 950
- B RM7 050
- C RM10 700
- D RM10 800

- 14 Petikan Imbangan Duga Perniagaan Sazali adalah seperti berikut:

Imbangan Duga pada 30 Jun 2023 (Petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Diskaun	300	
Pulangan		500

Pernyataan manakah yang menerangkan catatan di atas?

- A Diskaun diberi RM300
Pulangan keluar RM500
- B Diskaun diterima RM300
Pulangan masuk RM500
- C Diskaun diberi RM300
Pulangan masuk RM500
- D Diskaun diterima RM300
Pulangan keluar RM500

- 15** Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Perhiasan Dalaman Shanty bagi tahun berakhir 30 Jun 2023.

	RM
Inventori 1 Julai 2022	2 000
Inventori 30 Jun 2023	3 500
Belian	17 000
Pulangan keluar	420
Duti belian	640

Berapakah kos jualan?

- A** RM15 080
 - B** RM15 500
 - C** RM15 720
 - D** RM16 140
- 16** Item manakah yang dicatat dalam Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan?
- A** Belian
 - B** Inventori awal
 - C** Inventori akhir
 - D** Premis
- 17** Encik Danial membeli sebuah mesin bernilai RM40 000. Perniagaan menetapkan susut nilai mesin sebanyak RM4 000 setahun.
Apakah kaedah susut nilai yang paling sesuai?
- A** Baki berkurangan
 - B** Penilaian semula
 - C** Perbandingan
 - D** Garis lurus
- 18** Antara pernyataan berikut, yang manakah menerangkan tentang hutang lapuk terpilih?
- A** Hutang yang telah diterima semula setelah dihapuskan
 - B** Anggaran hutang yang tidak dapat dikutip
 - C** Hutang yang tidak dapat dikutip
 - D** Hutang yang dihapuskan

- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada Imbangan Duga Pembekal Buah-buahan Cameron Highlands pada 31 Mac 2023.

	RM
Akaun Belum Terima	12 800
Peruntukan hutang ragu	920

Maklumat tambahan :

Seorang pelanggan telah meninggal dunia dan baki hutangnya RM300 dihapus kira sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum diambil kira.

Jika peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% atas akaun belum terima bersih, nyatakan kesan terhadap belanja dan hasil perniagaan.

- A Hasil bertambah RM420
- B Hasil bertambah RM500
- C Belanja bertambah RM420
- D Belanja bertambah RM500

- 20 Baki-baki buku perakaunan Perniagaan Rohani pada 31 Ogos 2023 adalah seperti berikut:

	RM
Belian	36 570
Akaun Belum Bayar	4 300
Kadar Bayaran	760
Sewa Diterima	330

Kesilapan berikut ditemui sebelum Penyata Kewangan disediakan:

- (i) Sekeping Nota Debit daripada Pembekal Marwan bernilai RM3 500 baru dijumpai dan belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (ii) Bil internet dan sewa terkurang rekod RM70.

Jumlah Imbangan Duga di bahagian debit dan di bahagian kredit sebelum pembetulan kesilapan ialah RM103 430.

Berapakah jumlah Imbangan Duga Terselaras selepas kesilapan dibetulkan?

- A RM107 000
- B RM111 300
- C RM111 630
- D RM144 330

- 21** Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Butik Muslimah Anggun.

Membeli perabot RM2 200 secara kredit daripada Kedai Perabot Jati tetapi urus niaga ini tidak dicatat dalam mana-mana buku perniagaan.

Bagaimanakah kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
Belian	RM 2 200	RM
Modal		2 200

B

Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
Belian	RM 2 200	RM
Kedai Perabot Jati		2 200

C

Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
Perabot	RM 2 200	RM
Kedai Perabot Jati		2 200

D

Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
Perabot	RM 2 200	RM
Modal		2 200

22 Nisbah semasa bagi Kontraktor Megah Berhad adalah seperti berikut:

Tahun	2019	2020	2021	2022
Nisbah semasa	15.6 : 1	15.2 : 1	12.5 : 1	12.6 : 1

Tahun manakah yang menunjukkan keupayaan Kontraktor Megah Berhad membayar hutang jangka pendek paling baik?

- A 2019
- B 2020
- C 2021
- D 2022

23 Maklumat di bawah berkaitan dengan analisis nisbah.

Dikategorikan sebagai nisbah kecairan.

Berfungsi untuk mengukur kemampuan perniagaan untuk membayar hutang jangka pendek dengan cepat tanpa mengambil kira inventori.

Apakah nisbah tersebut?

- A Tokokan
- B Nisbah semasa
- C Nisbah ujian asid
- D Pulangan atas modal

24 Berikut adalah implikasi rekod tak lengkap **kecuali**

- A Penyata Kedudukan Kewangan sukar disediakan.
- B Kesilapan mudah dikesan di dalam buku perniagaan.
- C Perbandingan prestasi perniagaan tidak dapat dilakukan dengan tepat.
- D Imbangan duga tidak dapat disediakan kerana ketepatan rekod diragui.

- 25 Puan Jasmine, seorang peniaga tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap. Apakah maklumat yang diperoleh daripada analisis Akaun Belum Bayar?
- I Hutang lapuk
II Pulangan keluar
III Diskaun diterima
IV Peruntukan hutang ragu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 26 Kedai Dobi Cuci-cuci tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Apakah maklumat yang diperlukan untuk menyediakan Penyata Untung Rugi menggunakan kaedah perbandingan?
- I Ambilan
II Modal awal
III Modal kerja
IV Modal akhir
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 27 Penyata Penyesuaian Bank disediakan selepas Buku Tunai dikemaskini. Perkara manakah yang **tidak** diambil kira dalam Buku Tunai dikemaskini?
- A Caj bank
B Pindahan kredit
C Cek belum dikemukakan
D Kesilapan catatan di Buku Tunai
- 28 Antara berikut, yang manakah kaedah kawalan tunai yang biasa digunakan oleh perniagaan?
- I Membuat pengauditan terhadap rekod perakaunan sahaja.
II Menyimpan rekod dan proses pengauditan dibuat oleh kakitangan yang sama.
III Menyediakan Imbangan Duga untuk menyemak ketepatan akaun perniagaan.
IV Mengadakan kata laluan dan sekatan masuk untuk menghalang pihak yang tidak berkenaan mengakses sistem maklumat perakaunan.
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

- 29** Kedai Jam Tangan Tatty's telah membuat Belanjawan Tunai dengan anggaran penerimaan tunai dan pembayaran tunai bagi bulan Jun 2023.

	RM
Jualan tunai	13 980
Bayaran kepada pembekal	6 600
Bayaran daripada pelanggan	5 300
Sewa kedai	500
Gaji pekerja	800
Hasil komisen	550
Belian tunai	7 890
Kadar bayaran	650

Hitungkan lebihan tunai bagi bulan Jun 2023.

- A** RM2 290
- B** RM3 390
- C** RM14 620
- D** RM16 590

- 30** Berikut adalah perkara di bawah Akta Perkongsian 1961 jika Ikatan Perkongsian **tidak** dibuat.

- A** Nisbah pembahagian untung rugi mengikut nisbah modal
- B** Faedah atas modal 8% setahun
- C** Pekongsi tidak menerima gaji
- D** Tiada faedah atas pinjaman

- 31** Item-item berikut termasuk di dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi.

Apakah item yang direkodkan di sebelah debit Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- I Faedah atas ambilan
- II Faedah atas modal
- III Gaji pekongsi
- IV Ambilan

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 32 Maklumat berikut diambil daripada buku Perkongsian MNR yang bersetuju untuk membubarkan perniagaan mereka.

	RM
Jumlah Aset (kecuali Bank)	92 000
Jumlah Liabiliti	10 200
Belanja realisasi	800
Maklumat Tambahan:	
i. Semua aset telah direalis berjumlah RM87 000.	
ii. Utiliti belum bayar RM500 telah djumpai semasa pembubaran.	

Berapakah jumlah rugi realisasi?

- A RM3 700
- B RM3 900
- C RM4 900
- D RM6 300

- 33 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri bagi syarikat sendirian berhad?

- I Syer dijual kepada orang awam
 - II Syer dipindah milik secara bebas
 - III Bilangan pemilik ialah 1 hingga 50 orang
 - IV Laporan kewangan tidak perlu dibentangkan kepada orang awam
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 34** Berikut adalah petikan Penyata Kedudukan Kewangan yang diambil daripada Syarikat Petromas Berhad pada 31 Ogos 2023.

Syarikat Paxima Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2023 (Petikan)

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
X unit 8% Syer Keutamaan	1 200 000

Maklumat tambahan :

8% Syer Keutamaan diterbitkan pada harga RM2.00 sesyer.

Berapakah nilai X?

- A** 150 000
- B** 600 000
- C** 1 800 000
- D** 2 400 000

- 35** Pada 1 Mac 2022, Syarikat Digital Berhad telah menerbitkan syer-syer berikut:

500 000 unit 8% Syer Keutamaan yang berharga RM2.00 sesyer
1 000 000 unit Syer Biasa yang berharga RM1.00 sesyer

Maklumat tambahan:

Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh pada 28 Mac 2022.

Pada 31 Disember 2022, Lembaga Pengarah telah mengisyiharkan pembayaran dividen akhir syer biasa sebanyak RM0.25 sesyer.

Berapakah jumlah dividen akhir bagi syer keutamaan dan syer biasa?

- A** RM247 500
- B** RM280 000
- C** RM290 000
- D** RM310 000

36 Antara yang berikut, yang manakah akan dikredit dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan sesebuah kelab?

- I Honorarium
- II Insurans kelab
- III Kutipan derma
- IV Yuran pertandingan

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Tenis Kristal.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	RM
Yuran ahli	600

Maklumat tambahan:

	1 Januari 2022	31 Disember 2022
	RM	RM
Yuran belum terima	50	70
Yuran belum terperoleh	-	40

Berapakah jumlah yuran yang akan direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022?

- A RM440
- B RM540
- C RM580
- D RM760

38 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Usahawan Berjaya.

	RM
Inventori kedai minuman pada 1 April 2022	4 260
Inventori kedai minuman pada 31 Mac 2023	10 500
Belian	9 744
Jualan	21 024
Upah pembantu kedai minuman	3 000

Berapakah untung kedai minuman?

- A** RM10 020
- B** RM11 280
- C** RM14 520
- D** RM17 520

39 Buku perakaunan Perusahaan Batik Amsyar menunjukkan maklumat berikut:

	RM	RM
Belian: Bahan langsung	14 500	
Alat-alat kecil	790	
		15 290
Inventori pada 1 Oktober 2022:		
Bahan langsung	3 800	
Kerja dalam proses	8 820	
Alat-alat kecil	2 400	
Inventori pada 31 September 2023:		
Bahan langsung	6 500	
Kerja dalam proses	4 900	
Alat-alat kecil	2 500	
Kos buruh langsung	10 000	
Kos overhed	2 320	

Berapakah kos pengeluaran?

- A** RM23 400
- B** RM24 090
- C** RM28 040
- D** RM28 730

- 40 RIFHA Sauna & Spa menawarkan rawatan sauna istimewa kepada pelanggannya. Maklumat berikut adalah mengenai perkhidmatan tersebut.

	RM
Harga jualan seunit	170
Kos berubah seunit	60
Kos tetap	10 800

Berapakah bilangan perkhidmatan yang perlu diberikan sekiranya kos berubah meningkat sebanyak RM20 seunit?

- A 72 unit
- B 98 unit
- C 120 unit
- D 270 unit

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT